

BULETIN SUKAN

EDISI JULAI 2024

SUKAN UNIVERSITI ASEAN (AUG) 2024



Atlet Universiti Putra Malaysia menyinar di Temasya Sukan Universiti Asean (AUG) 2024 yang mana berjaya membawa pulang 11 Emas 10 Perak dan 13 Gangsa mewakili kontinjen Malaysia. Temasya dwi-tahunan ini telah berlangsung pada 25 Jun hingga 06 Julai 2024 di Surabaya-Malang, Indonesia. Untuk makluman 48 atlet UPM telah dipilih untuk membawa cabaran temasya ini di bumi Indonesia. Tahniah dan syabas juga buat kontinjen Malaysia kerana berjaya membawa 38 pingat emas untuk edisi kali ini.

SYAQIERA MASHAYIKH BERAksi DI TEMASYA SUKAN OLIMPIK PARIS 2024

Syaqiera Mashayikh pemanah negara merupakan mahasiswa Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi berjaya memecah rekod peribadi terbaiknya dalam pusingan ranking individu dengan mengumpul 663 mata dan secara tidak langsung menduduki tangga ke-14 keseluruhan. Namun, Syaqiera telah menamatkan aksi di penyingkiran 1/16 menerusi 'shoot-off' selepas kedua atlet terikat 5-5 dan tewas 5-6 kepada Ana Luiza Sliachticas Caetano dari Brazil. Untuk makluman, Syaqiera berjaya menempah tiket di Temasya Sukan Olimpik Paris 2024 bagi acara 'Women Individual Recurve' dan 'Women Team Recurve'. Terima kasih dan tahniah Syaqiera atas prestasi yang cemerlang dan semoga lebih berjaya di masa hadapan.



PENILAIAN PROGRAM PENGIKTIRAFAN EKSA AKADEMI SUKAN UPM 2024

Penilaian Program Pengiktirafan EKSA Akademi Sukan UPM telah dijalankan pada 11 Julai 2024 di sekitar Akademi Sukan UPM. Terdapat 5 kategori yang telah dipertandingkan iaitu Zon Terbaik, Pejabat/Unit Terbaik, Ruang Kerja Staf Terbaik, Hasil Kreativiti Terbaik dan 'Go Green' terbaik. Majlis penyampaian hadiah dan sijil kepada para pemenang bagi setiap kategori telah disampaikan oleh YBhg. Prof. Dr. Mohammad Hamiruce bin Marhaban, Pengarah Akademi Sukan UPM dan diiringi oleh En. Muhammad Al-Amin bin Mustafha, Penyelaras EKSA Akademi Sukan UPM.



PENILAIAN PERINGKAT KEDUA EKSA AKADEMI SUKAN UPM

Telah berlangsung Penilaian Peringkat Kedua Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) Akademi Sukan 2024 pada 12 Julai 2024 di Bilik Mutiara, Akademi Sukan UPM. Pembukaan majlis telah dipengerusikan oleh Puan Maizatul Akmam Binti Abas@Abdul Hamid, Ketua Unit Pentadbiran & Kewangan Akademi Sukan UPM. En. Ahmad Hafizd Hitam dari Pusat Jaminan Kualiti (CQA) dan En. Fahrul Asmady Yunus dari Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) merupakan juruaudit bagi penilaian ini. Sekalung penghargaan buat warga Akademi Sukan UPM kerana memberi kerjasama dan meluang sedikit masa untuk sesi Penilaian Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) ini.



JAWATANKUASA BULETIN SUKAN UPM

Penasihat: Dr. Hanafiah Ayub A.M.N | Ketua Editor: Pn. Nor Haya binti Yaakob | Editor: Zawin Nadjah binti Mohamad Hatta

EDWARDIAN 10S 2024

Pasukan Ragbi UPM berjaya mendapat tempat ke-3 dalam Kejohanan Edwadian 10s 2024 yang telah berlangsung pada 27 hingga 28 Julai 2024 di Taiping, Perak. Mereka berjaya menundukkan PDRM Blues dengan 28 - 0 semasa perlawanan tempat ketiga berlangsung.



USIM OPEN CHESS CHAMPIONSHIP 2024

Atlet catur UPM, Mi Teng Long telah berjaya mendapat gelaran Naib Johan di USIM Open Chess Championship 2024 pada 06 Julai 2024 bertempat di BKS Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan (FKP) Universiti Sains Islam Malaysia.



DPULZE MASTER FIDE RATED CHESS OPEN

Tahniah buat Mi Teng Long, atlet catur UPM kerana telah berjaya menjadi Naib Johan di Dpulze Master Fided Rated Chess Open pada 20 Julai 2024 bertempat di Dpulze, Cyberjaya.



GAMBAR SUKAN UNIVERSITI ASEAN (AUG) 2024

